



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**12 JANUARI 2022 (RABU)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**12 JANUARI 2022 (RABU)**

# Harga ayam: Jangan 'berbulan madu'

Oleh ZAREEN HUMAIRAH  
SEJAHAN  
zareen.ns@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu bersungguh-sungguh mencari penyelesaian jangka pendek dan panjang untuk menstabilkan harga barang terutama ayam dan telur.

Presiden Pengguna Islam Malaysia, Datuk Nadzim Johan berkata, seruan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) supaya rakyat bersedia dan memahami kenaikan harga ayam tidak wajar.

Menurut beliau, adalah men-

jadi tanggungjawab kerajaan memastikan rakyat boleh meneruskan kelangsungan hidup lebih mudah selepas baru berdepan musibah bah manakala pandemik Covid-19 belum berakhir.

"Kerajaan sepatutnya mencari jalan menurunkan harga barang. Jika rakyat boikot ayam maka kerajaan pula seharusnya menjalankan pemerhatian menyeluruh untuk memastikan penjual menelepas harga yang ditetapkan.

"Semua sudah penat dengan masalah yang sama terutama apabila menjelang musim perayaan. Kenapa tidak ada penyelesaian selepas bertahun-tahun isu ini berbangkit?" Soalnya.

**Kerajaan perlu ada pusat kawalan untuk memantau harga ayam."**

NADZIM JOHAN

Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang akan berakhir pada 4 Februari ini perlu diteruskan atau pengguna mempunyai pilihan kedua memboikot membeli ayam sehingga harga kembali stabil.

Penamatian SHMKM akan memberi lebih banyak tekanan kepada pengguna bukan sahaja di kawasan bandar, malah penduduk luar bandar juga akan terkesan kerana ketika ini makanan sumber protein yang murah adalah ayam dan telur.

Tambah Nadzim, ketegasan kerajaan dalam menetapkan harga siling untuk ayam amat diperlukan.

"Kerajaan perlu ada pusat kawalan untuk memantau harga ayam.

"Saya juga yakin, kalau betul rakyat mahu boikot, tiga hari sudah cukup kerana banyak transaksi akan terbantut walaupun

dalam tempoh yang singkat," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin berkata, pihaknya telah pun memohon permohonan import (AP) supaya syarikatnya boleh membawa masuk lebih banyak ayam.

"Dengan kemasukan ayam import, lebih banyak bekalan ayam boleh diterima jadi tiada lagi masalah harga naik kerana permintaan tinggi.

"Kerajaan dalam hal ini perlu berikan komitmen yang tinggi untuk memberikan AP secepat mungkin dan jangan melengahkan sebarang penyelesaian," ka-



SEORANG peniaga menyusun ayam untuk dijual ketika tinjauan di Pasar Jalan Othman, Petaling Jaya, semalam.

## KENAIKAN HARGA AYAM

# Usah membebankan

Oleh Yusmizal Dolah  
Aling  
yusmizal@hmetro.com.my



Waktu ini semuanya tidak menentu, orang tidak pendapatan tetap, harga barang naik, nampaknya semua akan jadi susah," katanya ketika ditemui di Pasar Jalan Othman, di sini, semalam.

Halijah

Katanya, dengan kenaikan harga ayam di pasaran, ia pasti menyebabkan pengguna resah kerana kos hidup yang semakin meningkat.

"Berapa yang naik pun, kita di bawah ini sama juga, masih perlu beli keperluan.

"Tetapi jika ia dapat dikawal sedikit dan tidak membebankan, mungkin boleh diterima."

"Lagi elok jika pihak berkuasa kawal supaya tidak

ada kenaikan kerana waktu ini semuanya tidak menentu, orang tiada pendapatan tetap, harga barang naik, nampaknya semua akan jadi susah," katanya ketika ditemui di Pasar Jalan Othman, di sini, semalam.

Seorang lagi pengunjung, Amirah Rashidah Zaharuddin, 22, berkata, kenaikan harga ayam yang mendadak akan menyebabkan pengguna sukar mendapatkan bekalan ayam seperti biasa.

Menurutnya, harga RM9.10 bagi setiap kilogram ketika ini memadai berbanding RM10 pada satu ketika dahulu.

"Itu pun dikira tinggi. Bagi pengguna, lagi murah lagi bagus. Justeru, kaedah terbaik adalah mengelakkan kenaikan dalam waktu terdekat," katanya.

Sementara itu, peniaga ayam, Wan Rohaini Wan Yus-

nus, 59, berkata, jika berlaku kenaikan yang diuar-uraikan, pihaknya tidak mempunyai pilihan melainkan menaikkan harga ayam.

Katanya, setakat ini pihaknya tidak dimaklumkan mengenai berapa kenaikan terbabit dan hanya menunggu pengumuman lanjut.

"Setakat ini harga masih lagi RM9.10 sekilogram, tidak naik. Dengarnya akan naik tetapi tidak tahuah berapa.

"Jika naik, kami terpaksa naikkan juga kerana harga dari pembekal sudah tentu naik. Cuma buat masa sekarang, bekalan ayam dan telur agak kurang berbanding sebelum ini," katanya.

Harian Metro difahamkan isu kenaikan harga ayam dibincangkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di Putrajaya, semalam.

HARI : RABU  
TARIKH : 12/1/2022  
M/SURAT : 6

## Minyak masak peket, botol 'ghaib'

**Kota Bharu:** Peniaga runcit sekitar bandar ini mendakwa bekalan minyak masak peket sekilogram dan minyak masak dalam botol kehabisan sejak lebih sebulan lalu.

Tinjauan mendapati kebanyakannya kedai runcit mendakwa bukan sahaja terputus bekalan minyak masak peket, malah minyak masak dalam botol kehabisan disebabkan tidak mendapat bekalan daripada pembekal.

Pekerja kedai runcit di Wakaf Che Yeh, Siti Sarah Mohd Din, 37, berkata, sebelum ini dia mengambil bekalan secara terus daripada

kiland di Pasir Mas namun keadaan berbeza sejak lebih sebulan lalu.

"Kali terakhir saya mendapat 340 peket minyak masak pada November tahun lalu dan kini bekalan tidak diperoleh sehingga menerima rungutan pelanggan.

"Ramai pengguna mahu beli minyak masak peket namun kehabisan bekalan kerana kami sukar dapatkan minyak masak peket sejak Disember tahun lalu.

"Pada masa sama, ramai pelanggan seperti peniaga kuil muhi dan pisang goreng mengalami masalah sehingga memaksa mereka

mendapatkan bekalan di daerah lain," katanya ketika ditemui, semalam.

Pekerja kedai runcit lain, Khairil Fajri Afendi, 31, berkata, pemborong tidak memberi bekalan minyak masak ketika membeli barang keperluan kedainya pada Disember tahun lalu.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan dia terputus bekalan minyak masak sehingga semalam.

"Malah ada pelanggan datang ke kedai memarahi saya

dan memberitahu sengaja menyorok bekalan minyak masak dan hanya dijual kepada orang tertentu sahaja.

"Namun saya sendiri kebingungan apabila bekalan minyak masak terputus dalam tempoh begitu lama sehingga membebankan pengguna," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan, Azanizam Affendi Juri berkata, setakat ini pihaknya menerima tiga aduan daripada orang ramai.

"Kita juga sudah menyarankan peruncit mendapatkan bekalan minyak masak daripada pembekal yang disenaraikan," katanya.



ANTARA minyak masak dijual di sebuah kedai runcit ketika tinjauan di sekitar Kota Bharu, semalam.

HARI : RABU  
TARIKH : 12/1/2022  
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan	
Ayam	<b>RM7.79</b>
Daging Lembu Tempatan	<b>RM35</b>
Daging Lembu Import	<b>RM20.50</b>
Telur Gred A	<b>RM12.30</b>
Ikan Kembung	<b>RM10.99</b>
Minyak Masak	<b>RM6.70</b>
Gula Pasir	<b>RM2.85</b>
Bawang Besar Holland	<b>RM1.80</b>
Bawang Putih	<b>RM5.50</b>
Cili Merah	<b>RM13</b>
Kubis Bulat Tempatan	<b>RM2.79</b>
Tepung Gandum	<b>RM2.20</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDKHEP)**

---

---

**12 JANUARI 2022 (RABU)**

RISING PRICES

# CRACK DOWN ON PRICE MANIPULATORS

It is depressing for consumers to hear that the price of essentials, such as chicken and egg, is likely to increase after Feb 4. Consumers are already suffering from increased prices of other essentials, like fruits, vegetables and fish.

The Federation of Malaysia Consumers Associations (Fomca) has been highlighting the impact of increasing prices of food and essentials on consumers, especially low-income earners.

Low-income consumers are hard hit by high food prices as a substantial part of their earnings is spent on food.

Two factors that increase food prices are price manipulation and the abuse of approved permits (APs).

We have always said that monopolistic practices in the food supply chain had inflated prices.

A 2019 report on the market review of key food items by the Malaysia Competition Commission (MyCC) found that one of the key reasons for high food prices was distortion and manipulation in the supply chain.

For example, the price of *ikan kembong* increased six times

between what the fisherman was paid and what the consumer forked out at the market. Another example is cabbage. The price at the farm is RM1.60, while the consumer paid RM3.90, an increase of 143 per cent.

MyCC in their report identified several causes of exorbitant food prices, including market manipulation by middlemen and intermediaries, causing unreasonable increases in food prices.

For example, in the fish supply chain, middlemen would hoard fish when prices are low, thus restricting supply and forcing the prices of fish to increase. There is also opaqueness in price determination along the supply chain.

MyCC has suggested the establishment of wholesale markets to promote competition through greater transparency and market competition with the removal of market inefficiencies.

Another reason for increased prices stated in the MyCC report is the manipulation of APs. While Fomca has continuously spoken against the use of APs for food and essentials, we have often been told that there are no APs for food.

Yet, recently Mydin hypermarket had questioned who are the

holders of APs to import whole chicken and asked that retailers be allowed to import chicken themselves.

The abuse of APs results in increased prices of food and other essentials.

Fomca calls on the government to be transparent in the issuance of APs for food and other essential items. If retailers or other sellers can directly import chicken or other essential items, the price of food will be lowered.

If the government is serious about decreasing food prices, it should take action against those manipulating prices.

These offenders have been identified in the food supply chain market study by MyCC.

The government has two pieces of powerful legislation to act against price manipulators: the Price Control and Anti-Profitteering Act, 2011 and the Competition Act, 2010.

The awarding of APs also need to be reviewed and the importation of food and essentials are undertaken by parties that would ensure lower prices.

**DR PAUL SELVA RAJ**  
Secretary-general



We must tackle monopolistic practices in the food supply chain. FILE PIC